

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat yang terperinci berkenaan projek PR1MA yang akan dibina di Sandakan bagi pecahan jarak harga (*price range*) unit perumahan PR1MA di Sandakan, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan, lokasinya dan juga bilangan unit serta perluasan setiap unit.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 12,644 unit rumah untuk dibina di sekitar negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,000 unit rumah PR1MA sedang berada dalam peringkat pembinaan di Sandakan. Harga rumah yang ditawarkan oleh PR1MA kepada pemohon juga adalah mengikut kemampuan golongan sasaran pada harga antara RM100,000 – RM400,000 seunit mengikut spesifikasi dan lokasi projek.

PR1MA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM2.3 bilion bagi tahun 2013-2015. Namun begitu, peruntukan ini dijangka akan meningkat selaras dengan pengumuman peningkatan bilangan unit rumah PR1MA dari tahun ke tahun.

Peruntukan ini akan digunakan untuk menampung kos infrastruktur dan kos tanah untuk projek-projek rumah PR1MA di seluruh negara. Dalam urusan penetapan harga, PR1MA memastikan bahawa harga rumahnya adalah sekurang-kurangnya 20% lebih rendah berbanding harga pasaran bagi projek yang mempunyai spesifikasi dan lokasi yang sama.

Sekian. Terima kasih.